

PERUNTUKAN PERUNDANGAN DI TAMAN LAUT SULTAN ISKANDAR

MUHAMAD FAHRUL BIN KHALID

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2016

*Ditujukan khas kepada semua yang tersayang,
Terima kasih di atas segala jasa, nasihat, semangat dan pengorbanan
yang dicurahkan tanpa henti*

*Buat teman dan sahabat seperjuangan yang dikasihi
Terima kasih di atas segala sokongan, galakan dan bantuan yang
selalu diberikan tanpa mengira masa dan ketika*

*Terima kasih atas segalanya,
Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala jasa kalian*

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah s.w.t di atas segala limpah kurnia, berkat kasih dan sayang serta dengan izin-Nya, penulis telah berjaya menyiapkan penulisan ini.

Penulis ingin merakamkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan ikhlas kepada penyelia tesis, Dr. Salfarina Bt Samsudin di atas segala panduan, bimbingan, nasihat, dorongan, bantuan dan komitmen yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan tesis ini.

Penulis juga ingin merakamkan sekalung budi dan terima kasih kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor yang telah menaja pengajian saya di UTM. Tidak lupa juga kepada pihak Jabatan Taman Laut Malaysia Cawangan Johor, Perbadanan Taman Negara Johor, Pejabat Daerah Mersing, Majlis Daerah Mersing dan Pejabat Tanah Mersing. Segala kerjasama dan komitmen yang diberikan amatlah dihargai.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pensyarah dan semua pihak di atas segala bantuan yang diberi untuk menjayakan kajian. Keluarga, sahabat handai dan teman seperjuangan terima kasih di atas segala bantuan, sokongan dan semangat yang dihulurkan.

Akhir sekali, penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung memberikan bantuan dan kerjasama sepanjang usaha menjayakan dan menyempurnakan projek penyelidikan ini.

Sekian, Terima Kasih.

ABSTRAK

Taman Laut Sultan Iskandar telah diisytiharkan secara rasminya pada 15 Ogos 2013 oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar pada Sidang Dewan Negeri ke -13 di Bangunan Sultan Ibrahim, Johor Bahru. Ia bagi menggantikan nama yang sebelum ini dikenali sebagai Taman Negara (Johor) Kepulauan Mersing. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti apakah peruntukan perundangan utama yang berkaitan dengan Taman Laut, mengkaji sejarah dan objektif penubuhan Taman Laut Sultan Iskandar dan sejauhmana penguatkuasaan perundangan utama tersebut di Taman Laut Sultan Iskandar. Kajian ini telah melibatkan responden yang terdiri daripada pelbagai peringkat jawatan dan gred yang terlibat secara langsung dengan pengurusan Taman Laut Sultan Iskandar. Pengumpulan data di dalam kajian ini dilakukan dengan kombinasi dua teknik kajian iaitu analisis kandungan dokumen dan temubual. Data-data tersebut telah dianalisis secara kualitatif. Hasil analisis yang dibuat mendapati objektif utama penubuhan Taman Laut Sultan Iskandar adalah untuk memelihara alam sekitarnya yang kaya dengan sumber semulajadi. Terdapat 4 peruntukan perundangan yang mempunyai peranan utama berkaitan dengan Taman Laut iaitu Kanun Tanah Negara 1965, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta Perikanan 1985 dan Enakmen Perbadanan Taman Negara Johor 1989. Penguatkuasaan ke atas perundangan ini di Taman Laut Sultan Iskandar turut dianalisa dalam hasil kajian ini. Akhir sekali, kajian ini mencadangkan supaya peranan Perbadanan Taman Negara Johor diperluas dan Enakmen Perbadanan Taman Negara Johor 1989 dipinda bagi membolehkan kawalan bersepadu dibuat ke atas tanah pulau taman laut beserta perairannya sekali.

ABSTRACT

Sultan Iskandar Marine Park was officially declared on August 15, 2013 by His Royal Highness the Sultan of Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar in conjunction with the 13th State Assembly at Bangunan Sultan Ibrahim, Johor Bahru. It was to replace the name of the formerly known as Taman Negara Johor Mersing Islands. The objective of this study is to determine what are the main legal provisions related with Marine Park, the history of Sultan Iskandar Marine Park and its objective of establishment, as well as the effectiveness of the main legal enforcement in Sultan Iskandar Marine Park. The study involved respondents from various levels and grades that are directly involved with the management of the Sultan Iskandar Marine Park. Collecting data in this study was done with a combination of two techniques of content analysis study of documents and interviews. These data were then analyzed qualitatively. The results of the analysis have shown the main objective of Sultan Iskandar Marine Park establishment is to preserve the environment and its rich natural resources. There are 4 legal provisions which have major roles related to Sultan Iskandar Marine Park, the list are National Land Code 1965, The Town and Country Planning Act 1976, The Fisheries Act 1985 and Johor National Park Corporation Enactment 1989. Finally, this study suggests that the role of the Johor National Park Corporation is expanded and the Johor National Park Corporation Enactment 1989 is amended for the purpose of integrating the control between the islands and its waters simultaneously.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	JUDUL TESIS	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Penyataan Masalah	3
	1.3 Matlamat Kajian	4
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Skop Kajian	5
	1.6 Kepentingan Kajian	6
	1.7 Metodologi Kajian	7
	1.8 Susunatur Bab	9

2	KAWALAN PEMBANGUNAN DI TAMAN LAUT	11
	2.1 Pengenalan	11
	2.2 Definisi Taman Laut	12
	2.3 Pengurusan Taman Laut Malaysia	13
	2.4 Definisi Pulau dan Kategorinya	15
	2.5 Peruntukan Perundangan di Taman Laut	18
	2.6 Kesimpulan	21
3	TAMAN LAUT SULTAN ISKANDAR	22
	3.1 Pengenalan	22
	3.2 Latar Belakang Daerah Mersing	23
	3.3 Gunatanah Semasa Daerah Mersing	24
	3.4 Pentadbiran Mukim-mukim Pulau Daerah Mersing	25
	3.5 Sejarah Penubuhan Taman Laut Sultan Iskandar	27
	3.6 Objektif Penubuhan Taman Laut Sultan Iskandar	29
	3.7 Gugusan Kepulauan Taman Laut Sultan Iskandar	30
	3.8 Kesimpulan	38
4	KAEDAH DAN HASIL ANALISIS KAJIAN	39
	4.1 Pengenalan	39
	4.2 Kaedah Pengumpulan Data	40
	4.3 Kaedah Analisis Data	42
	4.4 Hasil Analisis Kajian	43
	4.5 Kesimpulan	55
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	56
	5.1 Pengenalan	56
	5.2 Penemuan Kajian	57
	5.3 Cadangan Kajian	59
	5.4 Permasalahan Kajian	61

5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	63
5.6	Kesimpulan	64

RUJUKAN	65
----------------	----

Lampiran A	67
-------------------	----

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Senarai Perundangan yang berkaitan dengan Taman Laut	18
2.2	Senarai Perundangan Mengikut Bidang Kuasa Agensi Kerajaan	19
3.1	Mukim-Mukim di Daerah Mersing	23
3.2	Gunatanah Semasa Daerah Mersing	25
3.3	Senarai Pulau Dalam Pewartaan	26
4.1	Senarai Responden Yang Terlibat	40
4.2	Senarai Pusat Pelancongan di Kepulauan Mersing	46
4.3	Senarai Pulau Taman Laut Johor	48
4.4	Jumlah rondaan yang dilakukan oleh JTLM Johor	50
4.5	Jumlah kutipan denda yang dikutip oleh JTLM Johor	51

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
3.1	Kedudukan Pulau-pulau Taman Laut Sultan Iskandar	30
3.2	Gugusan Pulau Besar	31
3.3	Gugusan Pulau Rawa	32
3.4	Gugusan Pulau Tinggi	33
3.5	Gugusan Pulau Sibul	35
3.6	Gugusan Pulau Pemanggil	36
3.7	Gugusan Pulau Aur	37

SENARAI SINGKATAN

JTLM	-	Jabatan Taman Laut Malaysia
JPBD	-	Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
KTN	-	Kanun Tanah Negara
MDM	-	Majlis Daerah Mersing
MPA	-	Kawasan Perlindungan Marin
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
PDM	-	Pejabat Daerah Mersing
PTDM	-	Pejabat Tanah Daerah Mersing
PTNJ	-	Perbadanan Taman Negara Johor
PTG	-	Pejabat Tanah Dan Galian
TLSI	-	Taman Laut Sultan Iskandar

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
A	Borang Temubual	9

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sumber biodiversiti marin di Taman Laut merupakan antara khazanah Negara yang tidak ternilai daripada segi kepelbagaian biologi, ekonomi dan sosial. Oleh kerana itulah, rakyat Malaysia khususnya dan masyarakat dunia umumnya prihatin terhadap Taman Laut dan mahukan ia dilindungi agar kelangsungannya berterusan hingga ke generasi akan datang. Malaysia merupakan salah sebuah Negara yang telah memeterai Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD). Sebagai ahli, adalah menjadi tanggungjawab Malaysia untuk memastikan sebanyak 10% daripada kawasan perairan negara ini dijadikan sebagai Kawasan Perlindungan Marin (MPA) untuk diuruskan dan dipelihara secara mampan menjelang 2020 (Laporan Tahunan Jabatan Taman Laut Malaysia, 2014).

Perairan Malaysia meliputi sejumlah kawasan seluas 614,000 km persegi. Manakala luas kawasan yang diwartakan sebagai kawasan perlindungan marin di bawah Akta Perikanan 1985 (Akta 317) adalah seluas 2,486.13 km persegi, iaitu 0.54% daripada keseluruhan perairan Malaysia. Malaysia mempunyai sebanyak 882 buah pulau, 42 daripadanya telah diwartakan sebagai Taman Laut, 2 buah pulau di

Sarawak telah diwartakan sebagai Kawasan Larangan Perikanan dan 11 buah pulau di Sabah telah diwartakan sebagai Taman Negeri dan ini menjadikan sejumlah 55 buah pulau di Negara ini telah dijadikan sebagai kawasan perlindungan.

Pentadbiran Taman Laut di Negara ini diuruskan oleh tiga sistem utama kerajaan, iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) adalah Agensi Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab terhadap pengurusan Taman Laut secara keseluruhan serta menentukan dan melaksanakan dasar-dasar Kerajaan mengenai Taman Laut. Manakala Kerajaan Negeri pula mempunyai kuasa terhadap perihal pembangunan tanah di pulau-pulau dan Kerajaan Tempatan adalah pihak yang bertanggungjawab melaksanakan pelan tindakan pembangunan pulau-pulau yang dirancang oleh Kerajaan Negeri. Sebuah Mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan Taman Laut dan Rizab Laut (MPKTLRL) ditubuhkan untuk disertai oleh ketiga-tiga pihak ini untuk membincangkan sebarang konflik yang timbul berkenaan pengurusan Taman Laut.

Punca kuasa untuk mentadbir urus usaha-usaha pemuliharaan sumber marin di Taman Laut adalah termaktub dalam Bahagian IX Akta Perikanan 1985 serta Perintah Punubuhan Taman Laut 1994, 1998, 2000, 2008, dan 2012. JTLM juga mempunyai kuasa untuk mengenakan Fi Pemuliharaan Taman Laut ke atas pengunjung-pengunjung ke Taman Laut di bawah Perintah Fi (Taman Laut Malaysia) 2003. Dalam hal ehwal pembangunan tanah di pulau-pulau, Kanun Tanah Negara 1965 dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 adalah sumber utama kepada punca kuasa untuk mengawalinya. Selain itu, terdapat juga akta-akta lain yang turut digunapakai dalam usaha mengawal dan mengurus sumber alam semulajadi yang terdapat di kawasan perlindungan seperti ini.

1.2 Pernyataan Masalah

Malaysia dianugerahkan dengan alam marin yang meliputi kawasan laut maritim sebesar lebih 600,000 km persegi dan pelantar benua kawasan kira-kira 476,761 km persegi dan mengandungi kawasan paya bakau yang tidak ternilai, pulau-pulau dan kawasan pantai. Walau bagaimanapun, hutan bakau dan terumbu karang telah dieksploitasi oleh pembangunan komersial dan pelancongan untuk aktiviti seperti penambakan, perlombongan pasir dan pelepasan langsung air sisa domestik dan industri. Selain itu, pengkelodakan dan pemendapan yang disebabkan oleh projek-projek pembangunan berkenaan dengan penyediaan infrastruktur, menyebabkan ekosistem marin terganggu dan penurunan sumber makanan ikan (Maizatun, 2011).

Pada Disember 1994, sebanyak 38 buah pulau di perairan Malaysia telah diwartakan menjadi Taman Laut Malaysia dimana 35 darinya berada di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, pewartaan di Semenanjung Malaysia hanya memberikan perlindungan ke perairan luar pesisir pantai, manakala tanah di pulau-pulau Taman Laut yang masih tertakluk kepada pembangunan komersial, kerana perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia 1994, hanya memberikan perlindungan ke perairan sehingga dua batu nautika dari pulau-pulau. Ini adalah disebabkan oleh perbezaan perlembagaan dalam bidang kuasa, urusan tanah berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri manakala perairan luar pesisir pantai adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan (Aikanathan dan Wong, 1994).

Sehingga kini, terdapat 42 buah pulau di Malaysia yang diwartakan sebagai Taman Laut Malaysia mengikut peruntukan Akta Perikanan 1985. Menurut Ch'ng (1990), objektif utama pewartaan ini adalah untuk memberi perlindungan khas kepada flora dan fauna akuatik, untuk mengurus dan memelihara tapak pembiakan semulajadi dan habitat hidupan akuatik, dengan memberi penekanan pada spesies jarang ditemui atau terancam. Disamping untuk menggalakkan kajian dan penyelidikan saintifik, ianya juga dapat memelihara dan mengawal selia aktiviti-

aktiviti rekreasi dan mengelakkan daripada berlaku kerosakan terhadap ekosistem marin.

Taman Laut yang ditubuhkan oleh Jabatan Perikanan hanya meliputi kawasan perairan Malaysia manakala tanah di pulau dan pantai sekitar Taman Laut bukan di bawah bidang kuasa Jabatan Perikanan. Kebanyakan tanah itu milik persendirian atau tanah Kerajaan. Segala pembangunan yang berlaku di atas tanah itu tidak perlu mematuhi mana-mana peraturan Taman Laut, kerana urusan tanah termasuk hutan, air dan lain-lain sumber semula jadi berasaskan tanah adalah di bawah kuasa perlembagaan Kerajaan Negeri. Keputusan penting seperti penggunaan tanah, atau pewartaan atau pembatalan rizab ini adalah dalam kuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Ia terpulang pada Kerajaan Negeri untuk membuat keputusan mengenai implikasi pengurusan dan aktiviti yang dibenarkan atau tidak.

Keutamaan yang berbeza untuk pemuliharaan dan pembangunan antara Pihak Berkuasa Tempatan dan pemilik tanah telah mencipta pelbagai konflik dan masalah. Pemuliharaan ini bermaksud penggunaan lestari sumber asli dan penyelenggaraan kemajuan ekologi dan kepelbagaian biologi manakala pembangunan oleh pemilik tanah secara umumnya berorientasikan kewangan dan keuntungan dengan memaksimumkan penggunaan sumber. Ini adalah sangat jelas bahawa Taman Laut tidak boleh dipulihara dengan efektif kecuali pendekatan bersepadu diambil untuk menguruskan air laut dan kawasan tanah yang berdekatan kerana kedua-dua aktiviti darat dan laut adalah saling berkaitan dan mempunyai kesan ke atas satu sama lain. (Aikanathan dan Wong, 1994).

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat yang ingin dicapai menerusi kajian ini adalah untuk mengkaji peruntukan perundangan utama yang berkaitan dengan Taman Laut dan penguatkuasaannya.

1.4 Objektif Kajian

Untuk mencapai matlamat yang telah digariskan, beberapa objektif telah ditetapkan iaitu:

- i. Mengenalpasti peruntukan perundangan utama yang berkaitan dengan Taman Laut
- ii. Mengkaji sejarah dan objektif penubuhan Taman Laut Sultan Iskandar
- iii. Mengkaji penguatkuasaan peruntukan perundangan di Taman Laut Sultan Iskandar

1.5 Skop Kajian

Pengkajian tentang Taman Laut telah dihasilkan oleh beberapa pengkaji sebelum ini. Antaranya ialah Azima Abdul Manaf (2011), mengenai “Pewartaan Taman Laut: Peluang atau Kesusahan Penduduk Pulau” dan Mohd Nasir bin Selamat (2010) mengenai Isu-isu ekonomi Masyarakat Pulau: Kajian Awal di Pulau Sibul dan Pulau Tinggi Mersing Johor”. Berbeza dari kajian-kajian terdahulu, penulisan ini lebih menumpukan kepada aspek-aspek seperti berikut:

i) Sejarah dan matlamat penubuhan Taman Laut Sultan Iskandar bagi mendapatkan gambaran sebenar latar belakang kajian kes ini.

ii) Kajian ini akan mengenalpasti apakah peruntukan perundangan utama yang terpakai di pulau dan perairan Taman Laut. Pulau Taman Laut adalah pulau yang terletak di dalam perairan yang telah diwartakan sebagai Taman Laut. Bagi melaksanakan apa-apa perancangan pembangunan di kawasan pulau, adalah perlu untuk mengambilkira peruntukan perundangan yang terdapat berkaitan dengannya.

iii) Hasil daripada peruntukan perundangan yang disenaraikan, penulis akan menghuraikan dengan lebih terperinci elemen peruntukan perundangan utama tersebut dan menganalisa sejauhmana pula penguatkuasaannya di kawasan kajian kes penulis, iaitu di Taman Laut Sultan Iskandar yang terletak di daerah Mersing, Johor.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini boleh dimanfaatkan oleh pelbagai pihak dan secara khususnya ia mempunyai kepentingan terhadap:

i) Para Pemaju:

Hasil kajian ini akan memberikan gambaran kepada para pemaju tentang prosedur-prosedur yang perlu mereka ketahui sebelum mereka berhasrat untuk memulakan sebarang pembangunan di Taman Laut Sultan Iskandar. Adalah menjadi matlamat pembangunan daerah Mersing untuk menjadikan daerah tersebut sebagai daerah perlancongan yang bertaraf antarabangsa yang bertemakan alam semulajadinya. Justeru, beberapa langkah perlu diketahui bagi memastikan undang-undang yang dikuatkuasakan dipatuhi bagi menjaga kepentingan awam serta ekosistem alam sekitar.

ii) Pihak Berkuasa Negeri / Tempatan:

Taman Laut Sultan Iskandar yang baharu sahaja dirasmikan pada tahun 2013 adalah satu agenda baru kerajaan dan ia menjadi titik tolak untuk pelbagai perbincangan dan cadangan-cadangan pembangunan untuk masa akan datang. Pengetahuan mengenai peruntukan perundangan yang terpakai atas Taman Laut Sultan Iskandar adalah penting bagi memastikan hala tuju dan perjalanan pembangunan di Taman Laut Sultan Iskandar tidak tersasar dari matlamat asalnya. Dengan terhasilnya kajian ini diharap mampu dijadikan sebagai sumber rujukan tambahan yang berinformasi.

iii) Penduduk Pulau, orang awam dan pelajar:

Sejajar dengan perasmian Taman Laut Sultan Iskandar, sebaran am mengenainya masih kurang dan usaha-usaha penyebaran maklumat mengenainya perlu dipertingkatkan bagi meningkatkan kefahaman umum terutamanya masyarakat Pulau terhadap kepentingan memelihara dan menyayangi alam sekitar dalam konteks pembangunan yang terkawal serta bersesuaian dengan konsep kawasan yang ingin dibangunkan iaitu Taman Laut kerana pendekatannya berbeza berbanding dengan kawasan-kawasan lain yang ingin dibangunkan.

1.7 Metodologi Kajian

Dalam melaksanakan penulisan ini, penulis telah mengkategorikan beberapa peringkat atau proses yang telah dikenalpasti terlebih dahulu. Di antara peringkat-peringkat kajian tersebut adalah seperti berikut:

i) Peringkat Pertama

Pada peringkat ini, pengenalan bagi kajian yang hendak dijalankan dijadikan asas permulaan kepada penulisan ini. Penekanan yang diberikan adalah bagi menentukan tajuk penulisan, mengenalpasti masalah, objektif, kepentingan serta skop penulisan. Selain itu, peringkat ini juga menjelaskan bentuk input yang diperlukan bagi mencapai objektif kajian.

ii) Peringkat Kedua

Pada peringkat ini, pembacaan dan rujukan terhadap data-data sekunder diberikan penekanan secara lebih mendalam. Penulis akan mengenalpasti aspek – aspek yang berkaitan dengan kajian ini melalui terbitan ilmiah, garis panduan, akta-akta dan perundangan dan dasar-dasar yang telah digariskan oleh kerajaan.

iii) Peringkat Ketiga

Peringkat ini melibatkan proses pengumpulan data. Penentuan data yang digunakan perlu jelas dari mana ianya diperolehi. Data-data ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu data primer dan data sekunder. Data primer adalah data diperolehi melalui kajian soal-selidik yang dijalankan melalui temubual. Data sekunder pula diperolehi melalui bahan bacaan seperti jurnal, laporan, majalah, surat khabar dan sebagainya. Data sekunder ini digunakan bagi menyokong fakta dan huraian yang dikemukakan.

iv) Peringkat Keempat

Melalui peringkat ini penulis akan cuba menganalisis data-data atau maklumat-maklumat yang diperolehi dan dikenalpasti. Pada peringkat ini, perhatian yang sewajarnya diperlukan agar segala hasil penulisan dan penganalisan data menepati serta memenuhi objektif kajian. Data-data yang diperolehi daripada soal-selidik yang dijalankan akan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisa kandungan dan kualitatif.

v) Peringkat Kelima

Peringkat ini merupakan peringkat memberikan cadangan dan kesimpulan mengenai kajian yang telah dilaksanakan. Penulis akan memberi cadangan-cadangan lanjutan kepada penulisan supaya dapat memberi kesinambungan kepada kajian-kajian pada masa akan datang.

1.8 Susunatur Bab

Dalam melaksanakan kajian ini, penulisan akan dipecahkan kepada lima bab. Susunatur bab adalah berdasarkan kepada keutamaan-keutamaan yang perlu bagi melengkapkan kajian yang dilakukan. Berikut adalah organisasi bab dalam penulisan ini:

i) Bab Pertama: Pendahuluan

Bab ini mengandungi tajuk-tajuk seperti pengenalan, pernyataan masalah, matlamat kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan metodologi kajian. Setiap tajuk diulas bagi memberi gambaran kepada pembaca mengenai kajian ini.

ii) Bab Kedua: Peruntukan Perundangan Taman Laut

Bab ini menerangkan beberapa definisi tentang Taman Laut, maksud pulau dan kategorinya. Selain itu, penerangan tentang corak pengurusan taman laut di Malaysia turut diperjelaskan termasuk peruntukan perundangan yang berkaitan dengan Pulau dan Taman Laut. Analisa terhadap bidang kuasa perundangan yang diperuntukkan mengikut agensi yang melaksana dan bidang kuasa peringkat kerajaan turut diterangkan dalam bab ini.

iii) Bab Ketiga: Taman Laut Sultan Iskandar

Bab ini akan menerangkan maklumat asas berkaitan dengan daerah Mersing yang merupakan daerah kawasan kajian kes, gunatanah semasanya dan pentadbiran di Mukim Kepulauan Mersing. Huraian mengenai pulau-pulau dalam Taman Laut Sultan Iskandar, sejarah dan matlamat penubuhannya turut dijelaskan dalam bab ini

iv) Bab Keempat: Kaedah dan Hasil Analisis

Dalam bab ini, data-data yang diperolehi dari kawasan kajian dan hasil temuramah responden-responden yang terlibat secara langsung dalam menguatkuasakan perundangan utama yang berkaitan dengan Taman Laut Sultan Iskandar akan diproses untuk mengenalpasti sejauh mana penguatkuasaan undang-undang tersebut dilaksanakan.

v) Bab Kelima: Kesimpulan dan Cadangan

Bab ini akan memberikan rumusan berdasarkan analisis yang dijalankan. Selain itu juga pandangan serta cadangan yang diberikan oleh pihak responden selain pengamatan penulis juga akan diadaptasikan untuk menghasilkan rumusan kajian. Cadangan yang diberikan diharap akan dapat memberi sumbangan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam membangunkan Taman Laut Sultan Iskandar serta memelihara alam sekitar dan khazanah sumber alam semulajadi yang sukar diganti.

RUJUKAN

- Aikanathan, S. & E. Wong (1994). *Marine Park Island Management Conceptual Plan for Peninsular Malaysia*. Report produced under WWF Project MYS 256/93. Department of Fisheries Malaysia and the World Wide Fund for Nature (WWF) Malaysia, Kuala Lumpur.
- Ceballos-Lascurain H (1996) *Tourism, Ecotourism and Protected Areas*. Gland, IUCN, Switzerland.
- Eagels PFJ (1996) *Fragile Landscape: Seeking Eco Benefic*. In: *Eco Decision* 20, pp. 17-20.
- Honey, Martha (2008). *“Ecotourism and Sustainable Development: Who owns paradise?”. Second Edition, Washington DC, USA*
- Johor National Parks Corporation (2014). *Sultan Iskandar Marine Park, Iskandar Puteri, Johor*
- Lim L.C. (1996). *Tourism, Pollution and The Marine Environment in Malaysia Report produced under Project 91147 for WWF-UK. WWF Malaysia, Petaling Jaya.*
- Maizatun Mustafa (2011). *Environmental Law In Malaysia, Netherlands*
- Murphy, Peter E (1985). *Tourism: A Community Approach, New York, USA*
- Dasar Biodiversity Kebangsaan Negara (1998). *Kementerian Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar, Malaysia*

Dasar Alam Sekitar Negara (2002). Kementerian Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar, Malaysia

Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, (2013). Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Garis Panduan Perancangan Pembangunan Fizikal Pulau-Pulau dan Taman Laut (2015) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Laporan Tahunan Jabatan Taman Laut Malaysia (2014), Jabatan Taman Laut Malaysia, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia

Pelan Ekopelancongan Kebangsaan Malaysia (1996) Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan Malaysia

Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014 – 2023 (2013). Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor, Iskandar Putri, Johor

Akta Perikanan 1985 (Act 317).

Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)

Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Akta Perancang Bandar dan Desa (Akta 172)

Enakmen Perbadanan Taman Negara Johor 1989

Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)